

Mahasiswa UKM sertai pertandingan reka poster

TUNJUK KEMAHIRAN.

Seramai 35 orang pelajar menyertai Pertandingan Mereka Poster 2016 anjuran Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur (JKAS), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor baru-baru

ini.

Menurut Penolong Jurutera JKAS, Nik Mohd. Asraf, pertandingan tersebut diadakan untuk memberi ruang kepada para pelajar untuk menunjukkan bakat mereka dan panel penilai terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dari

FKAB.

Antara jabatan lain yang terlibat pada pertandingan tersebut ialah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Sistem, Jabatan Kejuruteraan Mekanik dan Bahan dan Jabatan Seni Bina.



SEBAHAGIAN mahasiswa UKM bergambar selepas Pertandingan Mereka Poster 2016 di UKM Bangi baru-baru ini.